



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 30 Julai 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jom Malaysia lonjak produk Sabah ke pasaran global

GERAKAN Jom Beli Produk Malaysia (Jom Malaysia) dijangka menjadi pemangkin untuk mengangkat produk dan jenama keluaran Sabah ke peringkat antarabangsa selaras dengan aspirasi "local to global" yang menjadi antara fokus utama Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) 2.0.

Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor berkata aspirasi yang dibawa menerusi Jom Malaysia selari dengan agenda pembangunan ekonomi Kerajaan Negeri yang menekankan pertumbuhan mampan, inklusif dan berdaya saing melalui pemeraksanaan usahawan tempatan serta peluasan akses pasaran.

Beliau berkata Jom Malaysia bukan sekadar pesta jualan atau platform mempromosikan produk tempatan, sebaliknya merupakan satu gerakan strategik yang menghimpunkan usahawan, kerajaan, pemain industri, institusi kewangan dan pengguna dalam membina ekosistem keusahawanan yang lebih kukuh.

"SMJ 2.0 dan Jom Malaysia berkongsi matlamat yang sama iaitu memperkasa usahawan tempatan, meningkatkan nilai produk dan perkhidmatan serta memperluaskan akses pasaran bagi mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi kepada rakyat.

"Sinergi ini akan membentuk rantaian pembangunan yang menyeluruh bermula daripada pemeraksanaan usahawan, pembangunan produk sehingga peluasan pasaran, selaras dengan aspirasi "local to global", " katanya ketika merasmikan Festival Jom Malaysia 2026 di Kompleks Sukan Sandakan pada 25 Julai lalu.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Menteri III merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Datuk Ewon Benedict.

Hajiji berkata pemilihan Sabah sebagai antara lokasi penganjuran festival itu mencerminkan pengiktirafan terhadap kekuatan ekonomi negeri serta keyakinan Kerajaan Persekutuan terhadap potensi Sabah sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi di Malaysia Timur.

Menurutnya Sabah bukan sahaja kaya dengan kepelbagaian budaya, warisan dan sumber semula jadi malah memiliki komuniti usahawan yang semakin berkembang dengan menghasilkan pelbagai produk tempatan bernilai komersial tinggi seperti makanan, kraftangan, fesyen serta produk kreatif dan inovatif daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Beliau berkata dengan anggaran populasi 3.8 juta penduduk tahun lalu serta Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bernilai RM88.8 bilion yang mencatat pertumbuhan 5.1 peratus, Sabah muncul sebagai antara pasaran pengguna terbesar dan paling dinamik di Malaysia Timur.

Menyentuh potensi antarabangsa produk Sabah, Hajiji berkata pencapaian usahawan tempatan sepanjang tahun lalu membuktikan produk negeri ini mampu bersaing di pasaran global.

Katanya seramai 124 usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Sabah menyertai 18

pameran perdagangan antarabangsa pada 2025 dan berjaya menjana potensi jualan bernilai RM95.9 juta, meningkat 37.12 peratus berbanding RM60.4 juta pada tahun sebelumnya.

"Pencapaian ini membuktikan produk Sabah mempunyai kualiti, keunikan dan daya saing untuk menembusi pasaran global. Sebab itu Jom Malaysia perlu dilihat sebagai platform yang mampu mewujudkan lebih banyak peluang kepada usahawan tempatan untuk berkembang dan meluaskan pasaran," katanya.

Bagi memperkukuh lagi ekosistem keusahawanan negeri, beliau berkata Kerajaan Negeri menerusi SMJ 2.0 memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuk Program Bantuan SME-Up yang diterajui Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR) dengan peruntukan RM15 juta bagi membangunkan 600 PMKS.

Selain itu Program Sabah Ready-to-Eat (RTE) turut diperkenalkan bagi membantu mengkomersialkan produk makanan tempatan menerusi geran pembangunan, bantuan mesin retort dan sokongan pensijilan halal bagi meningkatkan kebolehpasaran produk.

Menurutnya kedua-dua inisiatif itu saling melengkapi aspirasi Jom Malaysia dalam melahirkan usahawan serta produk yang berdaya saing dan bersedia menembusi pasaran domestik serta antarabangsa.

Dalam pada itu Hajiji berkata sektor pelancongan turut memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi "local to global" khususnya sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 dan Tahun Melawat Sabah 2027.

Beliau berkata Sabah merekodkan ketibaan 3.79 juta pelawat dengan hasil pelancongan berjumlah RM8.74 bilion pada tahun lalu sekali gus membuktikan potensi besar sektor itu sebagai pemangkin mempromosikan produk dan perkhidmatan tempatan.

"Setiap festival, ekspo dan program promosi bukan sahaja menggalakkan pembelian produk tempatan malah menjadi medium memperkenalkan identiti Sabah kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

"Apabila pelancong menikmati makanan tempatan, membeli kraftangan, menggunakan perkhidmatan atau membawa pulang produk keluaran Sabah, mereka menjadi duta yang memperkenalkan jenama Sabah ke persada antarabangsa. Inilah aspirasi sebenar 'local to global' yang ingin kita capai bersama," katanya.

Sehubungan itu beliau mencadangkan agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Kerajaan Negeri mempertimbangkan penganjuran Jom Malaysia di lebih banyak destinasi strategik di Sabah sempena Tahun Melawat Sabah 2027 bagi memperluaskan manfaat program kepada usahawan tempatan, di samping memperkukuh promosi produk Sabah kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.



助食品，確保食品品質與安全。(馬新社圖)
友事務)拿督莫哈末哈菲薩檢盤「大學生食物銀行」獲
莫哈末慕菲斯(右)與蘇大副校長(學生事務與校

援助品總值1.7萬 登關懷食物銀行惠1500學生

(瓜拉登嘉樓29日訊)登嘉樓州國內貿易及生活費局今年推行的“关怀食物银行”计划，已惠及州内8所高等学府的1500名学生。

州局长慕菲斯指出，这计划所提供的援助品包括饼干、牛奶、即食食品及熟食等，总值约1万7123令吉。

他说，这项计划是该局与多家企业、业界及非政府组织合作推动，以确保食品援助更有效地送达目标群体。

“i-FB计划旨在通过分发安全及优质食品，减轻目标群体的

生活成本负担，同时减少食物浪费，并进一步加强社区的可持续发展与福利。”

共办771场关怀销售计划

他说，相关援助品是分发给登记成为“大学生食物银行”受惠者的学生，包括登嘉楼苏丹再纳阿比丁大学(苏大)、登嘉楼马来西亚大学(登大)、勿述工艺学院、拿督拉查里师范学院、乌鲁登嘉楼工艺学院及苏丹米占师范学院的学生。他是在苏大举行的2026年i-FB计划援助品移交给登州高等学府仪式后，接受记

者访问时如此表示。

另一方面，他指出，该局从今年1月1日至周一(7月27日)，在全州共举办771场“昌明大马关怀销售计划”，大约100万人次从中受惠。

他说，其中，流动关怀销售计划举办次数最多，共430场，其次是商店关怀销售计划303场、校园关怀销售计划15场、巴刹关怀销售计划12场，以及公开关怀销售计划11场。

“这显示KPDN致力扩大计划覆盖范围，尤其是惠及郊区社区、住宅区及有需要的地区。”

他说，人民的积极响应也证明，这项计划已成功达到减轻生活成本压力的主要目标，并让民众以合理价格购买基本必需品。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Pengusaha pelancongan Kiulu terima 1,000 tunas vanilla

TUARAN: Sebanyak 1,000 tunas vanilla diberikan kepada pengusaha pelancongan berasaskan komuniti dan masyarakat setempat sebagai usaha menggalakkan pembangunan agropelancongan di kawasan Kiulu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kiulu, Datuk Joniston Bangkuai berkata, penanaman vanilla berpotensi membantu meningkatkan taraf kehidupan penduduk dan memperkukuh sektor agropelancongan yang menjadi tarikan pelancong ke kawasan berkenaan.

"Dengan penanaman vanilla ini, diharap ia dapat membantu memperbaiki kehidupan dan meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

"Pada masa yang sama, ia

mampu memperkukuh produk agropelancongan yang menjadi tarikan pelancong ke Kiulu.

"Kita mempunyai fokus untuk membantu masyarakat meningkatkan pendapatan, selain memperbaiki infrastruktur.

"Apabila ekonomi keluarga meningkat, taraf kehidupan kita juga akan meningkat," katanya ketika menyempurnakan Majlis Penutupan Program Sembang Santai Komuniti Madani di Dewan Sri Rantaka, Kampung Simpan-gan Lama, Kiulu, di sini.

Dalam pada itu, Joniston turut menyokong penganjuran Program Sembang Santai Komuniti MADANI yang dianjurkan oleh Pejabat Penerangan Daerah Tuaran dengan kerjasama Komuniti MADANI

Kampung Rungus Nabaha.

"Program anjuran sebegini amat baik dan perlu diteruskan.

Saya berharap segala ilmu, maklumat dan bantuan yang disampaikan melalui program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti sekitar demi kesejahteraan dan pembangunan masyarakat," ujarnya.

Program dimulakan dengan sesi perkongsian naratif isu-isu semasa yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan Daerah Tuaran, Nur Azean Makbul, bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap dasar kerajaan serta isu-isu semasa yang memberi kesan kepada rakyat.

Selain itu, turut diadakan taklimat daripada Jabatan



SERAH Joniston (dua dari kiri) menyerahkan tunas vanilla kepada penerima.

Pertanian Tuaran dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tuaran mengenai pelbagai inisiatif, bantuan serta peranan agensi dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti.

Peserta turut mengikuti Taklimat Penanaman Vanilla

yang disampaikan oleh pengurus My Kebun Vanilla Kinarut, Leo Komuji yang berkongsi pengetahuan mengenai potensi tanaman vanilla sebagai sumber pendapatan baharu serta produk bernilai tinggi dalam sektor pertanian dan agropelancongan. -Penerangan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 30 JULAI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
30-Jul	Pengarah syarikat, pemandu lori didenda RM12,500 miliki diesel tanpa lesen	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/07/pengarah-syarikat-pemandu-lori-didenda-rm12500-miliki-diesel-tanpa-lesen/	UTUSAN
30-Jul	Simpan diesel tanpa lesen, pemandu lori, pengarah syarikat didenda RM12,500	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2026/07/1594841/simpan-diesel-tanpa-lesen-pemandu-lori-pengarah	BERITA HARIAN
30-Jul	Pengarah syarikat, pemandu lori didenda RM12,500 miliki diesel tanpa lesen	https://www.kosmo.com.my/2026/07/28/pengarah-syarikat-pemandu-lori-didenda-rm12500-miliki-diesel-tanpa	KOSMO
30-Jul	Company director, lorry driver fined RM12,500 each for storing 2,000 litres of diesel without licence	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/07/28/company-director-lorry-driver-fined-rm12500-each-for-storing-2000-litres-of-diesel-without	THE STAR
30-Jul	Stor transit minyak masak paket diserbu	https://www.sinarharian.com.my/article/789854/berita/semasa/stor-transit-minyak	SINAR HARIAN
30-Jul	KPDN foils attempt to smuggle 10.2 tonnes of subsidised cooking oil	https://malaysiantribune.com/kpdn-foils-attempt-to-smuggle-10-2-tonnes-of-subsidised	MALAYSIAN TRIBUNE
30-Jul	KPDN foils attempt to smuggle 10.2 tonnes of subsidised cooking oil	https://www.malaysiannewsgazette.com/kpdn-foils-attempt-to-smuggle-10-2-tonnes-of-subsidised-cooking-oil/	MALAYSIAN NEWS
30-Jul	KPDN Perak salur bantuan Food Bank kepada pelajar	https://www.capitalpost.com.my/kpdn-perak-salur-bantuan-food-bank-kepada-pelajar/	CAPITAL POST

30-Jul	Bekalan stabil, harga terkawal: KPDN perkukuh pemantauan, pengguna diseru bijak berbelanja	https://www.malay.news/bekalan-stabil-harga-terkawal-kpdn-perkukuh-pemantauan-pengguna-diseru-bijak-berbelanja/	MALAY NEWS
30-Jul	Bekalan stabil, harga terkawal: KPDN perkukuh pemantauan, pengguna diseru bijak berbelanja	https://themalaytribune.com/bekalan-stabil-harga-terkawal-kpdn-perkukuh-pemantauan-pengguna-diseru-bijak-berbelanja/	THE MALAY TRIBUNE
30-Jul	Bekalan stabil, harga terkawal: KPDN perkukuh pemantauan, pengguna diseru bijak berbelanja	https://ohmymedia.cc/bekalan-stabil-harga-terkawal-kpdn-perkukuh-pemantauan-pengguna-diseru-bijak-berbelanja	OHMYMEDIA
30-Jul	Bekalan stabil, harga terkawal: KPDN perkukuh pemantauan, pengguna diseru bijak berbelanja	https://mediaselangor.com/ms/2026/07/387081	MEDIA SELANGOR
30-Jul	供应稳定价格受控：内贸部加强监督 吁消费者精明消费	https://mediaselangor.com/zh/2026/07/387112	MEDIA SELANGOR
30-Jul	Op Taring Wawasan: Seorang lelaki ditahan, 94 kotak minyak masak paket dirampas	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/op-taring-wawasan-seorang-lelaki-ditahan-94-kotak-minyak-masak-paket-dirampas/	RTM
30-Jul	Program i-FB KPDN manfaat 1,500 pelajar IPT Terengganu	https://www.sinarvarsity.my/article/538/campus-today/program-i-fb-kpdn-manfaat-1500-pelajar-ipt-terengganu	SINARVARSITY
30-Jul	Ihsan Food Bank bantu ringankan beban pelajar	https://www.trdi.my/ihsan-food-bank-bantu-ringankan-beban-pelajar	TRDI